

Bantuan FEMA Boleh Digunakan untuk Baiki atau Ganti Relau

Adakah anda pemilik rumah yang mendapat bantuan FEMA bagi tujuan pembaikan rumah? Adakah kemudiannya anda dapati relau anda rosak atau musnah akibat Taufan Ida?

Sekiranya relau anda tidak dilindungi insurans, FEMA mungkin dapat memberikan bantuan tambahan untuk membaiki atau menggantinya. Tetapi anda mestilah membuat permohonan kepada FEMA secara bertulis dan sertakan resit atau anggaran harga pembaikan yang dapat disahkan.

Pihak FEMA mungkin boleh membayarnya sehingga kos resit sebenar atau anggaran. Sekiranya anda membaiki atau mengganti relau sendiri, FEMA boleh membantu apabila anggaran atau resit yang sah diserahkan **semasa membuat rayuan**. Semasa anda memohon bantuan, pastikan anda melaporkan sebarang kerosakan relau yang berlaku akibat Taufan Ida.

Dana ini disediakan untuk mangsa-mangsa yang layak di daerah **Bronx, Kings, Nassau, Queens, Richmond, Rockland, Suffolk, dan Westchester**, yang mana ianya termasuk dalam perisytiharan bencana persekutuan Taufan Ida. Hanya rumah kediaman utama yang diduduki pemilik boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan. Rumah percutian dan rumah kedua tidak layak.

Bantuan Pembaikan Rumah disediakan hanya untuk pemilik rumah yang mempunyai barangan yang tidak dilindungi insurans atau insurans terhad serta perbelanjaan yang berkaitan dengan bencana yang bertujuan untuk menjadikan kediaman selamat, bersih dan berfungsi. Sebahagian bantuan FEMA juga disediakan untuk komponen struktur lain di rumah kediaman utama anda termasuklah telaga, sistem septik, pemanas air dan peralatan elektrik lain.

Perlu diingat: Anda mestilah mengemukakan rayuan bertulis dalam tempoh 60 hari daripada tarikh surat penentuan FEMA. Dan pastikan anda sertakan dokumentasi untuk menyokong permintaan rayuan seperti resit atau anggaran pembaikan yang dapat disahkan, anggaran kontraktor atau bukti lain bagi menyokong rayuan anda.

Setelah anda mengemukakan rayuan kepada FEMA, anda dijangka akan menerima surat jawapan dalam tempoh 90 hari setelah FEMA menerimanya.

Sekiranya anda mempunyai soalan berkaitan cara-cara untuk mengemukakan rayuan anda, sila layari Pusat Pemulihan Bencana – [DRC Locator \(fema.gov\)](https://www.fema.gov) – atau hubungi **Talian Bantuan FEMA** di **800-621-3362**. Sekiranya anda biasa menggunakan perkhidmatan geganti video (VRS), perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut. Operator Talian Bantuan sedia untuk membantu dari jam 8 pagi hingga 7 malam setiap hari. Tekan 2 untuk Bahasa Sepanyol, tekan 3 untuk jurubahasa yang boleh bertutur dalam bahasa anda.



FEMA

Bagi memohon bantuan bencana, anda juga boleh menghubungi Talian Bantuan, layari DisasterAssistance.gov atau gunakan aplikasi mudah alih FEMA.

Individu berpendapatan rendah yang menghadapi masalah undang-undang akibat Taufan Ida bolehlah menghubungi talian bebas tol bagi mendapatkan nasihat: **888-399-5459**. Sekiranya anda memerlukan penyedia khidmat guaman untuk menghubungi anda, sila lengkapkan borang ini di <https://nysba.org/ida>. Contoh bantuan guaman yang disediakan termasuk:

- kaunseling mengenai isu pemilik rumah-penyewa
- bantuan kontrak membaiki rumah dan kontraktor
- masalah perlindungan pengguna seperti penindasan harga dan mengelakkan penipuan kontraktor semasa proses pembinaan semula.
- bantuan jaminan manfaat kerajaan
- bantuan kehidupan, perubatan dan tuntutan insurans harta benda
- kaunseling dan masalah penyitaan gadai janji

Untuk sumber dalam talian tambahan serta risalah FEMA yang boleh dimuat turun dan bantuan lain, layari DisasterAssistance.gov dan klik "Information."

Untuk rujukan ke agensi-agensi yang memberi bantuan keperluan khusus komuniti, hubungi 211 atau layari <https://www.211nys.org/contact-us>. Untuk penduduk New York City, hubungi 311.

Untuk maklumat terkini mengenai usaha pemulihan Taufan Ida di New York, layari www.fema.gov/disaster/4615. Ikuti kami di Twitter twitter.com/femaregion2 dan www.facebook.com/fema.

###